

Strategi diplomasi ekonomi Anwar serap 'serangan' tarif AS

• Strategi ini mencerminkan nilai Malaysia MADANI, memberi negara landasan lebih beretika, berdaulat dan tahan lasak untuk mencapai pertumbuhan mampan

• Melalui pendekatan bersepadu dan tidak berseteru, Malaysia berjaya menyatukan negara ASEAN menghadapi cabaran tarif AS, sambil mengekalkan hubungan baik dengan rakan dagang utama



Ketua Pegawai Eksekutif Al-Ebreiz Global Capital Berhad

Oleh Mohd Norazam Muhammad
bhrencana@bh.com.my

Pada 2 April lalu, pentadbiran Presiden Donald Trump mengumumkan tarif tinggi terhadap beberapa negara, termasuk Malaysia yang dikenakan kadar sebanyak 24 peratus terhadap produk eksport utama seperti semikonduktor dan farmaseutikal.

Keputusan ini menghangatkan ketegangan dalam perdagangan global yang dipengaruhi 'protectionisme' meletakkan Malaysia dalam kedudukan mencabar.

Dalam menghadapi cabaran ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim tampil dengan pendekatan diplomasi berteraskan 'kepintaran tidak berpihak' dengan meletakkan Malaysia sebagai jambatan di antara negara kuasa besar, bukan sebagai medan pertempuran.

Pendekatan Perdana Menteri ini seiring dengan dasar luar Malaysia yang mengutamakan kepelbagaian hubungan dan pragmatisme. Strategi ini mencerminkan nilai Malaysia MADANI, memberi negara landasan lebih beretika, berdaulat dan tahan lasak untuk mencapai pertumbuhan mampan.

Tarif kini bukan hanya sekadar alat fiskal, tetapi instrumen geopolitik digunakan untuk mempengaruhi bukan sahaja perdagangan, tetapi ideologi, teknologi dan kedaulatan negara.

Beberapa perkembangan global perlu diberi perhatian adalah:

- Tarif Amerika Syarikat (AS)-China yang menyasarkan industri strategik seperti semikonduktor dan teknologi hijau.
- Mekanisme Penyesuaian Sempadan Karbon (CBAM) Kesatuan Eropah (EU) yang mengenakan tarif berdasarkan dasar iklim.
- Halangan Bukan Tarif (NTBs) seperti kawalan kedaulatan digital dan pematuhan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir urus (ESG).

Sebagai negara bergantung kepada perdagangan, dengan eksport menyumbang lebih 70 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), Malaysia menghadapi risiko besar. Sektor seperti elektrik & elektronik (E&E), sawit dan automotif sangat terdedah kepada impak tarif ini.

Mendepani cabaran ini, Perdana Menteri segera memanggil Mesyuarat Khas Jawatankuasa Menangani Tarif dihadiri seluruh Jemaah Menteri untuk berbincang langkah menangannya.

Selain itu, Perdana Menteri menghantar Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, untuk mengadakan pertemuan dengan Wakil Perdagangan Amerika Syarikat (USTR) di Washington bermula semalam.

Berbekalkan kapasiti beliau sebagai Pengerusi ASEAN, Anwar menekankan kepentingan keadilan dalam rundingan perdagangan dengan AS dan menyelaraskan pendirian dengan negara ASEAN.

Beliau bertegas ASEAN sebagai blok ekonomi berkembang pesat harus bersatu dan berpegang kepada prinsip perdagangan serta dan multilateralisme dengan menentang tindakan satu pihak.

Pada 10 April lalu, Menteri Ekonomi ASEAN mengadakan mesyuarat khas membincangkan strategi bersama. ASEAN memutuskan untuk tidak mengenakan tarif balas, sebaliknya menekankan pentingnya dialog konstruktif dengan AS serta mengekalkan hubungan dagang kukuh dan saling menguntungkan dengan negara itu.

Ketika Perdana Menteri berada di Bangkok 18 April lalu, beliau menyatakan ASEAN menyokong perdagangan bebas dan multilateralisme. Maka, pendirian kami adalah tidak bersetuju dengan sebarang tindakan sebelah pihak atau penganan tarif bertentangan dengan semangat perjanjian multilateral. Itulah konsensus dicapai (ASEAN)'.

Pendekatan serampang tiga mata

Jelas di sini, Perdana Menteri menonjolkan pendekatan serampang tiga mata iaitu:

- Diplomasi perdagangan berpusatkan ASEAN
- Malaysia memanfaatkan ASEAN dan Perjanjian Kerjasama Ekonomi Serantau (RCEP) sebagai penampakan terhadap ketidakpastian ekonomi global.

Ini termasuk ketersambungan digital melalui Tingkat Tunggul ASEAN dan kepemimpinan dalam sektor syarikat teknologi kewangan (FINTECH) Islam yang memperkasa kerjasama kewangan rentas sempadan.

- Pembabitatan strategik dalam BRICS+

Malaysia juga memperkukuhkan perdagangan dengan negara BRICS+ khususnya China, India, Brazil dan Russia. Malaysia turut meneroka mekanisme perdagangan berasaskan emas dan bukan dolar serta membabitkan diri dalam penggunaan teknologi blockchain untuk pensijilan halal dan ketelusan ESG.

- Reformasi ekonomi domestik

Perdana Menteri menyedari kekuatan dalaman adalah kunci untuk bertahan dalam persaingan global. Oleh itu, pelbagai reformasi diperkenalkan termasuk Pelan Induk Perdagangan Nasional, pemberian geran pematuhan hijau untuk memenuhi piawaian global dan skim sokongan eksport untuk PKS.

Jelas, dalam hal ini, ASEAN bertindak sebagai

enjin pertumbuhan jangka pendek bagi Malaysia, menyumbang hampir 27.5 peratus daripada eksport negara. Malaysia terus mengukuhkan kedudukan sebagai hab inovasi dan perdagangan di Asia Tenggara.

Di sisi lain, BRICS adalah pertarungan jangka panjang dengan potensi besar dari segi KDNK, kini lebih besar daripada G7. Ini memberikan ruang kepada Malaysia untuk memainkan peranan lebih besar dalam ekonomi global.

Perdana Menteri menunjukkan kewibawaan diplomatik unik, menggabungkan nilai Islam yang berprinsip dan pendekatan pragmatik dalam diplomasi ekonomi.

Malaysia ditampilkan sebagai negara Islam sederhana, terbuka kepada kerjasama dengan negara timur dan barat, tetapi tetap tegas mempertahankan kedaulatan dan keadilan perdagangan global.

Langkah diplomatik diambil Perdana Menteri memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai peneraju dalam ASEAN. Melalui pendekatan bersepadu dan tidak berseteru, Malaysia berjaya menyatukan negara ASEAN menghadapi cabaran tarif AS, sambil mengekalkan hubungan baik dengan rakan dagang utama seperti China dan India.

Malaysia bakal mengadakan sidang kemuncak khas ASEAN-AS untuk membincangkan kebimbangan mengenai tarif, menunjukkan komitmen berterusan Malaysia memimpin dialog serantau

Langkah diplomatik ini bukan sahaja membantu mengurangkan kesan negatif tarif terhadap ekonomi Malaysia, tetapi memperkukuh peranan Malaysia sebagai peneraju dalam kerjasama serantau ASEAN.

Melalui pendekatan bersepadu dan berdamai, Malaysia berjaya mempertahankan hubungan dagang dengan negara besar sambil memastikan kepentingan domestiknya terjaga.

Dalam hal ini, Malaysia menghantar mesej jelas iaitu 'Kami terbuka, tetapi tidak bergantung. Kami strategik, bukan tunduk. Kami adalah negara berdaulat mengemudi hala tuju sendiri, berteraskan keadilan, dipandu prinsip dan komited terhadap kesejahteraan rakyat'.

